


Balik Kampung!

Sabrina Banu





Lagu “Balik Kampung” bergema di ruang tamu melalui corong radio semasa Nabil dan Nabilah menyediakan barang-barang yang perlu dibawa ke Kampung Lonek. Mereka turut sama menyanyikan lagu “Balik Kampung” dengan gembira.

Kamarul pula tidak begitu bersemangat berbanding dengan Nabil dan Nabilah. Peristiwa lampau sentiasa bermain dalam fikirannya. Sebenarnya, Kamarul telah memberitahu guru-gurunya, Encik Andi dan Cikgu Syahira bahawa dia tidak mahu turut serta.

Kamarul tidak mahu pergi kerana ada aktiviti mengocak ikan. Kamarul pernah terjatuh dalam kolam ikan. Peristiwa hitam itu telah meninggalkan kesan yang mendalam pada dirinya sehingga membuatnya **serik** dan takut hendak masuk ke dalam air.

Ibu bapa dan guru-guru memberi Kamarul dorongan agar tidak melepaskan peluang itu. Gurunya juga telah memilih Nabil sebagai pasangan Kamarul.


Setelah dipujuk oleh kedua orang tua dan gurugurunya, Kamarul akhirnya bersetuju.

Pada malam Isnin, Nabil menelefon Kamarul untuk memastikan yang dia telah membawa semua barang keperluan. Nabil juga memberi Kamarul semangat agar dia bersedia untuk menimba pengalaman yang baharu bersama rakan-rakannya.

Lapang dada Kamarul setelah berbual dengan Nabil. Dia mula mencari informasi di lelaman web mengenai Kampung Lonek. Perasaan ingin tahu mula berkembang dalam hati dan fikirannya.

Cikgu Syahira mengingatkan murid-murid agar menjaga pasport dan barang keperluan masing-masing. Beliau juga memberitahu mereka bahawa tiada akses Internet di sana. Oleh itu, mereka tidak akan dapat menggunakan telefon bimbit mereka. Sebaliknya, mereka digalakkan untuk menimba pengalaman di sana bersama rakan-rakan.

Hari yang dinanti-nantikan tiba. Seawal 6.30 pagi, murid-murid sudah sampai di sekolah. Apabila



tiba masa untuk berangkat, murid-murid melambai ke arah ibu bapa mereka semasa bas sekolah membelok keluar dari pekarangan sekolah menuju ke destinasi, Kampung Lonek, Malaysia.

Perjalanan ke Kampung Lonek mengambil masa tiga jam. Sepanjang perjalanan ke sana, murid-murid bernyanyi, berbual-bual atau mendengar muzik. Ada juga tertidur kerana bangun terlalu awal hari itu.



Setelah lama menanti, akhirnya mereka sampai juga di destinasi mereka. Kampung Lonek **berlatarkan** sawah padi yang menghijau, dusun tumbuh-tumbuhan yang menjadi sumber pendapatan dan rumah Kampung Minangkabau yang unik.

Mereka disambut dengan paluan kompang dan hiasan bunga manggar yang berwarna-warni. Murid-murid tersenyuman girang. Mereka berasa sungguh **terharu** dengan sambutan itu.



Mereka ke bilik masing-masing untuk bersiap sedia bagi aktiviti pertama, iaitu mengacau dodol dan **mengemping** padi. Semua aktiviti tersebut dijalankan di dewan.

Murid-murid tidak pernah melihat cara membuat dodol. Tidak hairanlah kumpulan Nabil berkelakuan sungguh jakun apabila diberi kualiti besar, gula nau dan juga santan. Nabil dan ahli kumpulannya mengambil giliran mengacau dodol itu. Kumpulan Nabilah pula diberi tugas mengemping padi untuk menghasilkan lempeng.




Acara mengemping padi merupakan salah satu acara kampung yang diamalkan oleh masyarakat petani tradisional pada zaman dahulu. Acara ini diadakan sebagai tanda kesyukuran selepas musim penuaian padi.



Langkah 1: Goreng padi sehingga mereka mendengar bunyi 'pop'.

Langkah 2: Tumbuk padi itu dengan menggunakan lesung sehingga padi itu menjadi lumat.



Langkah 3: Tapis emping yang dihasilkan itu untuk mengasingkan padi daripada kulitnya.

Setelah bekerja keras untuk menghasilkan dodol dan emping, mereka duduk dan **menikmati** makanan itu.

Perut sudah diisi dan ilmu sudah **diraih**. Mereka meneruskan aktiviti selanjutnya iaitu aktiviti menuai padi. Murid-murid berasa tidak sabar hendak masuk ke sawah padi. Mereka mempelajari cara menuai padi daripada seorang petani.

Andri bergurau senda dengan rakan-rakannya sehingga tidak menumpukan perhatian semasa petani itu menjelaskan cara menuai padi. Mereka juga memijak padi-padi itu semasa mereka berkejar-kejaran.

Cikgu Syahira segera menasihati mereka. Encik Andi memuji kumpulan yang bekerjasama dan berjaya menuai padi.



Setelah menuai padi, mereka menjalankan aktiviti yang selanjutnya iaitu permainan rakyat. Permainan rakyat merupakan permainan yang dimainkan oleh penduduk kampung setiap kali mereka berhimpun. **Perhimpunan** ini dapat mengeratkan silaturahim antara mereka. Salah satu permainan yang diperkenalkan kepada murid-murid ialah tarik upih. Semua murid berasa teruja kerana tidak pernah bermain permainan itu. Kamarul dan Andi menarik upih sementara Nabil duduk di atas upih itu. Mereka mengambil giliran duduk dan menarik upih. Murid-murid berasa seronok bermain tarik upih.



Setelah berehat sebentar, mereka beralih ke aktiviti mengocok ikan. Kamarul berasa takut dan tidak ingin melibatkan diri. Namun, Cikgu Syahira dan Nabil tidak putus asa memujuk Kamarul. Akhirnya, Kamarul memberanikan diri mencuba aktiviti tersebut. Mereka menanggalkan kasut kecuali stoking lalu masuk ke dalam parit.



Mereka boleh merasakan peluncuran ikan keli di kaki mereka. Mereka cuba menangkap ikan keli itu menggunakan tangan. Ada yang berjaya tetapi ikan keli itu licin dan terlepas daripada genggamannya. Motivasi yang diberikan oleh guru-guru dan rakan-rakan telah memberi Kamarul semangat sehingga berjaya menangkap dua ekor ikan keli. Kumpulan Kamarul berasa sungguh bangga atas pencapaiannya. Senyuman riang **terukir** di wajahnya.

Mereka melepaskan ikan-ikan itu ke dalam parit semula. Setelah selesai semua aktiviti, murid-murid diarahkan pulang ke bilik masing-masing untuk membersihkan diri dan bersiap-siap sebelum berangkat ke Singapura.

Mereka memberi penduduk-penduduk kampung itu kad buatan sendiri sebagai tanda terima kasih sebelum pulang ke tanah air. Nabilah mulai **mengimbas kembali** peristiwa-peristiwa yang telah dia lalui. Dia **melahirkan** isi hatinya ke dalam jurnal.

Glosari

serik	tidak mahu melakukan lagi, takut
diraih	diperoleh, didapatkan
terukir	terbentuk, terdapat
terharu	berasa hiba
berlatarkan	mempunyai sesuatu sebagai latar
menikmati	mengalami atau merasai sesuatu yang sedap
melahirkan	meluahkan fikiran
perhimpunan	berkumpul beramai-ramai untuk sesuatu tujuan
mengemping	menumbuk
mengimbas kembali	memperlihatkan peristiwa yang terdahulu





Trivia

Tahukah kamu peneroka Kampung Lonek telah menanam sejenis pokok bernama SEMPUNEK di KUALA sebatang sungai yang arusnya mengalir terus ke Sungai Jempol. Singkatan sebutan KUA-LO dan dicantumkan dengan nama pokok SEMPU-NEK, maka dinamakan kampung ini “KAMPUNG LONEK”.



Aktiviti Bersama Keluarga

Tanya ibu, bapa, datuk atau nenek kamu tentang permainan tradisional yang pernah mereka mainkan suatu ketika dahulu. Kemudian, kamu boleh lukis atau terangkan menggunakan ayat-ayat mudah cara bermain permainan tradisional itu.

